

Rahsia Kepimpinan Islam dan Kejayaan Negara Menurut Huraian al-Quran

Shukeri Mohamad¹
Ahmad Najib Abdullah²
Mohamad Azrien Mohamed Adnan³

Abstrak

Institusi Kepimpinan telah diberikan kedudukan yang sangat penting dalam ajaran Islam kerana peranannya sebagai ketua masyarakat dan negara sehingga Rasulullah s.a.w telah mengambil sikap yang tegas menolak permintaan Abu Zar supaya Baginda melantik beliau sebagai pemimpin. Rasulullah s.a.w memberi ingatan keras kepada Abu Zar yang masih berhasrat untuk memegang jawatan utama di Madinah dengan katanya: Sesungguhnya ia (kepimpinan itu) adalah satu kehinaan dan penyesalan pada hari kiamat kecuali bagi orang yang dapat melaksanakannya dengan adil dan amanah. Ini merupakan sebahagian daripada rahsia kepimpinan yang dibawa oleh Islam yang menjadi asas penting kepada kejayaan negara. Kepimpinan silam yang mengamalkan rahsia-rahsia al-Quran telah berjaya menempa sejarah kegemilangan seperti yang ditunjukkan dalam kepimpinan Rasulullah s.a.w dan Khulafa al-Rasyidin. Namun begitu rahsia-rahsia kepimpinan ini telah diabaikan oleh golongan pemerintah umat Islam pada zaman mutaakhir, lalu menyebabkan kepimpinan negara menjadi pincang dan disalahgunakan untuk kepentingan diri dan puak, bukan lagi menjaga kemaslahatan ummah. Sejarah keruntuhan negara yang dipaparkan oleh al-Quran sebenarnya tidak jauh bezanya dengan situasi semasa. Ia banyak menyentuh kedudukan kepimpinan yang rakus dan zalim sebagai punca kemusnahan tersebut. Oleh itu rahsia-rahsia kepimpinan di dalam al-Quran merupakan ubat terbaik bagi mengatasi kepincangan kepimpinan semasa, seterusnya mengembalikan kegemilangan institusi kepimpinan yang dibawa oleh Islam? Bertolak dari situ kertas ini akan cuba mengajak umat Islam kembali kepada rahsia a-Quran dalam menggarap keunggulan dan keunikan sistem kepimpinan Islam agar dapat memberikan panduan yang tepat dan lengkap dalam membentuk pemimpin Rabbani yang sedia berkhidmat sepenuhnya untuk Islam dan Umatnya. Insya' Allah.

METODE AL-QURAN DALAM MENGHURAIKAN KONSEP KEPIMPINAN DAN NEGARA

Al-Quran mengemukakan banyak ayat yang menyentuh hubungan pemimpin dengan rakyat baik dari segi hak dan tanggungjawab, ciri-ciri pemimpin yang bertakwa, kejayaan pemimpin yang beriman, kegagalan dan kehancuran pemimpin yang jahat dan khianat, keadaan negara yang sejahtera, keruntuhan negara dan bangsa kerana kebobrokan pemimpinnya. Ada juga ayat-ayat yang menggambarkan usaha membina negara dan kekuasaan serta berkaitan dengan fungsi kerajaan dalam menjalankan perkhidmatannya. Namun begitu yang paling jelas ialah rata-rata Allah Taala berbicara tentang dua blok kepimpinan yang bertembung tanpa henti iaitu antara kepimpinan yang membawa kebenaran dan ajaran Allah dengan kepimpinan yang jahat dan menentang peraturan Allah. dari mula kejadian Adam hingga ke saat kiamat. Tambah menarik lagi ialah episod kepimpinan ini juga berlaku di dalam neraka dalam bentuk dialog yang tegang dan penuh emosi yang ditujukan kepada pemimpin yang zalim dan

¹ Shukeri Mohamad, PhD, Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

² Ahmad Najib Abdullah, PhD, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

³ Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Guru Bahasa Kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri.

menipu. Blok kepemimpinan yang baik itu adalah sebahagian besarnya terdiri daripada Rasulullah dan Nabi-Nabi. Manakala blok kepemimpinan yang jahat dan zalim itu adalah golongan yang menyembah dunia, nafsu dan syaitan.

Kesemua itu dijelaskan di dalam al-Quran kerana Allah Taala mahu mengajar Nabi Muhammad SAW bahawa sejarah pertembungan itu akan ditempuh oleh Baginda dan ia menjadi pedoman yang sangat penting untuk Baginda dan Umatnya dalam mengharungi situasi seperti itu.

ISTILAH KEPIMPINAN YANG DIGUNAKAN OLEH AL-QURAN

Di antara istilah yang menunjukkan maksud kepemimpinan di dalam al-Quran ialah:

- i. "*Khalifah*" merupakan pemimpin yang memikul amanah dan tanggung jawab untuk melaksanakan pemerintahan dan menegakkan kebenaran seperti dijelaskan Allah dalam surah Sad: 26. FirmanNya yang bermaksud: "*Hai Daud sesungguhnya Kami jadikan engkau sebagai khalifah di muka bumi ini. Maka hukumlah di kalangan manusia dengan kebenaran*".
- ii. "*Imam*" sebagai pemimpin yang menjalankan tugas berdasarkan petunjuk Allah seperti firman Allah (al-Anbiya': 73) maksudnya "*Dan kami telah jadikan mereka itu para pemimpin(imam) yang mengikut kami, Dan kami wahyukan kepada mereka perbuatan yang baik, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka mengabdikan diri kepada kami.*"
- iii. "*Malik*" sebagai pemimpin yang berperang dan berjuang menegakkan agama Allah seperti firman Allah (al-Baqarah: 246) maksudnya: "*ketika mereka berkata kepada nabi mereka, utuskanlah kepada kami seorang raja/ketua(malik) yang berjuang/berperang bersama kami di jalan Allah.*"
- iv. "*Tamkin*" perkataan ini digunakan oleh al-Quran untuk menunjukkan bahawa kekuasaan dan pengaruh telah diberikan kepada para pemimpin seperti Zulkarnain, Nabi Yusuf di Mesir, Nabi Muhammad s.a.w, golongan ulama dan sebagainya. Kuasa itu diberikan untuk mendaulatkan ajaran Allah.

MAKSUD KEPIMPINAN DAN FALSAFAHNYA DALAM AL-QURAN

Pada asasnya istilah khalifah, imam, malik, tamkin dan sebagainya di dalam al-Quran membawa maksud institusi atau orang yang diserahkan amanah untuk memimpin dan mentadbir masyarakat berdasarkan peraturan Allah⁴. seperti firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 30 yang bermaksud:Ingatlah ketika tuhanmu berfirman kepada para malaikat, sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. Mereka berkata: Mengapakah engkau hendak menjadikan orang yang membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji engkau dan mensucikan engkau. Tuhan berfirman: Sesungguhnya aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui.

Ayat al-Quran ini merupakan perintah pertama yang meletakkan peranan manusia sebagai khalifah Allah di atas muka bumi. Dengan itu manusia memikul tugas sebagai pemimpin dunia, sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

⁴ Al-Maududi, Abū al-'A'lā (1978), *al-Khilafah wa al-Mulk*, Kaherah: Dār al-'Anṣār, h.19

Maksudnya: *Kami telah mengemukakan amanat itu kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka takut mengkhianatinya, lalu dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh.*

(Surah al-Ahzab: 72)

Dengan kata lain kepemimpinan Islam adalah pemikul amanah Allah Taala untuk melaksanakan segala perintahNya dalam negara atau dalam sistem pemerintahan. Dari situlah para ulama Islam memberikan tafsiran mereka dengan berbagai takrif untuk membantu masyarakat lebih memahami maksud kepemimpinan. Antaraya:

Al-Mawardi menyatakan *al-imamah* ialah: menggantikan tugas kenabian bagi menjaga agama dan mentadbir dunia⁵. Takrif ini telah disokong dan diterima oleh kebanyakan ulama Islam yang bercakap tentang imamah seperti Syihabuddin Ahmad bin Muhammad al-Haithami,⁶ Muhammad bin Abi al-Abbas al-Ramli,⁷ Muhammad bin Ali bin Muhammad Ibn al-Azraq⁸ dan lain-lain. Ibn Khaldun pula telah memakai takrif di atas dengan menambah perkaataan “dengannya” seperti berikut: imamah ialah menggantikan tugas kenabian bagi menjaga agama dan mentadbir dunia dengannya(dengan agama)⁹.

Ibn Al-Azraq sebenarnya mengambil takrif *khilafah* yang dibuat oleh al-amidi. Al-Amidi menyebut *al-Khilafah* bermaksud: mengganti Rasulullah s.a.w dalam menegakkan peraturan syarak dan menjaga agama, di mana khalifah itu wajib dipatuhi. Rasyid Rida juga menyokong asas kepemimpinan sebagai mencakupi kedua-dua urusan : agama dan dunia serta meneruskan tugas-tugas Nabi Muhammad SAW.¹⁰

Ahmad bin Abdullah al-Qalqasyandi pula menekankan status kepemimpinan/*khilafah* sebagai *wilayah ammah* ke atas seluruh umat, melaksanakan urusan-urusan umat dan memikul segala beban tugas yang melibatkan umat¹¹.

Manakala al-Imam al-Juwaini nampaknya mahu merumuskan takrif *khilafah* sebagai kepemimpinan yang sempurna, penguasaan yang menyuluruh mencakupi urusan khas dan am di dalam bidang agama dan dunia yang terkandung di dalamnya soal menjaga keselamatan negara, menjaga kepentingan rakyat, mengatasi penyelewengan dengan dakwah dan hujah/ilmu/dialog serta pedang/kekerasan bagi membantu orang yang teraniaya, memastikan orang yang mempunyai hak itu mendapatkan haknya, juga memastikan hak-hak itu tidak dirampas oleh mana-mana pihak.¹²

Apa yang dapat disimpulkan daripada berbagai kenyataan tentang takrif kepemimpinan dalam Islam ialah kepemimpinan merupakan suatu institusi politik yang dikendalikan oleh para pemimpin seperti khalifah, imam dan sebagainya berpandukan kehendak Islam bagi menjaga kepentingan Islam dan menjamin seluruh masyarakat yang bernaung di bawah kepemimpinan tersebut dalam semua bidang kehidupan, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Tabari ketika mengulas ayat 30 surah al-Baqarah.¹³

Sebenarnya Allah telah menciptakan manusia kerana dua tugas utama iaitu:
Pertama: Tugas Khilafah iaitu menjadi pemimpin yang menjalankan undang-undang Allah di atas muka bumi sebagaimana firmah Allah :

⁵ Al-Mawardi (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah, h. 5.

⁶ Al-Haithami (t.t), *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj* (dicetak bersama Hawasyi al-Syirwani dan Ibn Qasim) Beirut: Dar al-Fikr, jld 9, h. 75.

⁷ Al-Ramli (1984), *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, Beirut: Dar al-Fikr, jld 7, h. 409.

⁸ Ibn al-Azraq, *Bada'i' al-Silk fi Taba'i' al-Malik*, Tunis, jld 1, h. 93 dan 110.

⁹ Ibn Khaldun (1984), *al-Muqaddimah*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 191.

¹⁰ Mohd. Rasyid Rida (1988), *al-Khilafah*, Kaherah: Al-Zahra' li al I'lam al-‘Arabiyy, h. 17.

¹¹ Al-Qalqasyandi (t.t), *Ma'athir al-Inafah fi Maalim al-Khilafah*, Beirut: Alam al-Kutub' jld 1, h. 8.

¹² Al-Juwaini (t.t), *Ghiyath al-Umam fi Ilyath al-Zolam*, Iskandariah: Dar al-Dakwah, h. 15

¹³ al-Tabari, Jami' al-Bayan, Beirut 1988, juz1, h.199.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَأِئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَتْ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."*

(surah al-Baqarah: 30)

Kedua: Tugas Ibadah iaitu menjadi hamba yang tunduk dan patuh kepada perintah Allah. Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: *Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.*

(Surah al-Zariyat: 56)

Jawatan kepimpinan itu hendaklah mendapat sokongan dan kerjasama daripada seluruh pihak supaya ia dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan berkesan. Sebab itu setelah Adam diciptakan dengan statusnya sebagai pemimpin dunia, maka Allah memerintahkan malaikat dan iblis sujud hormat kepada manusia yang bergelar khalifah itu. Perintah sujud itu merupakan suatu lambang patuh dan kerjasama untuk menjayakan satu institusi kepimpinan yang diprogramkan Allah Taala sendiri. Tetapi malangnya iblis ingkar perintah Allah dan tidak mahu bekerjasama dengan kepimpinan dunia untuk membangunkan alam ini. Sebaliknya dengan sombong dia mengisytiharkan penentangannya kepada pemimpin dunia dan bersumpah untuk mengkhianati dan meruntuhkan apa saja program pembangunan insan yang dianjurkan oleh khalifah Allah itu. Allah Taala menjelaskan perkara tersebut dalam firmannya surah al-Baqarah ayat 34: Maksudnya: Dan ingatlah ketika kami berfirman kepada para malaikat: sujudlah kepada Adam. Maka sujudlah mereka kecuali iblis. Ia enggan dan sombong dan termasuk golongan orang yang kafir. Perkara ini telah dijelaskan juga dalam surah al-Hijr ayat 36 hingga 40 dan beberapa surah lain.

RAHSIA KEJAYAAN PEMIMPIN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA MENURUT AL-QURAN

Rahsia Kejayaan 1: al-Quran Sebagai Pemimpin

Allah Taala menyebut dalam surah al-Isra' ayat 71 bahawa setiap golongan akan dipanggil bersama dengan pemimpin mereka pada hari kiamat. Menurut ahli tafsir pemimpin ialah orang yang diikuti ajarannya semasa di dunia seperti Nabi Muhammad. Jadi termasuk juga maksud pemimpin itu ialah kitab al-Quran kerana ia juga memimpin manusia kepada kebenaran. Maka akan di seru nanti wahai pengikut Nabi Muhammad datanglah... atau wahai ahli al-Quran, datanglah.

Apabila al-Quran menjadi pimpinan, maka ia dapat menunjuk jalan yang betul untuk mencapai kejayaan. Perkara inilah yang terjadi kepada Rasulullah s.a.w dan para Khulafa al-Rasyidin dan khalifah yang lain selepas mereka.

Rahsia Kejayaan 2: Allah, Rasul dan Orang Beriman Adalah Pemimpin Dan Penolong

Dalam Surah Al-Baqarah ayat 257, sangat jelas bahawa Allah Taala sendiri membimbing dan menunjukkan jalan yang benar dengan mengeluarkan orang beriman daripada kegelapan kufur dan kesesatan hidup kepada sinar keimanan, kejayaan dan kebaikan. Bimbingan Allah Taala merupakan daya kekuatan yang sangat penting untuk mencipta kejayaan, kerana Allah Maha berkuasa. Perhatikan ayat tersebut yang bermaksud: Allah adalah pelindung/pemimpin bagi orang-orang yang beriman, Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan/kekufuran kepada cahaya/iman.

Dalam Surah al-al-Maedah ayat 56 Allah Taala dengan jelas menyatakan perkara tersebut, bahawa barang siapa yang mengambil Allah, Rasulnya dan orang-orang beriman menjadi penolong/pemimpin, maka pasti Allah akan memberikan kejayaan dan kemenangan :

وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ

Maksudnya: *Dan barangsiapa mengambil Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang.*

Rahsia Kejayaan 3: Memiliki Sifat/Ciri yang Unggul dan Terbaik

Lanjutan dari pekeling Allah yang menyatakan perlantikan Khalifah di atas muka bumi ini, berikutnya Allah telah mengeluarkan arahan-arahan lain bagi memastikan kepimpinan dunia itu berjalan lancar dan berjaya mencapai matlamatnya sepertimana yang dikehendaki Allah sendiri.

Allah Menyatakan bahawa kepimpinan dunia hendaklah dipegang oleh orang yang saleh dan bertakwa iaitu memiliki ciri-ciri keimanan dan ketakwaan yang tinggi. Peraturan ini dinyatakan dalam beberapa ayat al-Quran seperti:

قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ اسْعَبُوا بِاللَّهِ وَانصِبُوا إِلَيْنَا الْأَرْضَ إِنَّا لَنُرِيهَا مِنْ شِئَاءِ مَنْ عِبَادُهُ ۗ وَاللَّهُ لَمُبْتَئِينَ

Maksudnya: *Musa berkata kepada kaumnya: Mohonlah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah, Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah, dipusakakan kepada siapa yang dikehendakinya dari hamba-hambanya, dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.*

(Surah al-A`raf: 128)

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ

Maksudnya: *Dan sesungguhnya kami telah tulis di dalam Zabur sesudah kami tulis di dalam lauh Mahfuz bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hambaku yang saleh.*

(Surah al-Anbiya': 105)

Al-Razi Menyebut bahawa kekuasaan yang diberikan kepada orang-orang beriman ialah kuasa pemerintahan di bumi mengikut pandangan al-Kalbi dan beberapa pendapat Ibn Abbas¹⁴.

Itulah ciri-ciri dan sifat-sifat asas khalifah Allah yang ditetapkan oleh Allah sendiri Mereka merupakan orang yang terbaik dalam berbagai segi dan aspek kerana mereka akan memikul amanah yang amat berat yang tidak sanggup dilakukan oleh makhluk-makhluk lain. Allah Taala memperincikan ciri-ciri keperibadian yang unggul yang dimiliki oleh kepimpinan Islam dalam aspek ibadat dan dakwah sebagaimana yang dinyatakan dalam firmanNya:

الَّذِينَ إِذَا أَنشَأُوا مَسْجِدًا أَخْتَلَفُوا فِيهِ لَأُقْبَلُوا وَلَمْ يَكُن لَكُمْ فِيهِ خِلَافَةٌ وَلَئِن سَأَلْتَهُمْ لَيَقْبَلَنَّ لَهُمْ تِلْكَ الْأَمْثَلُ لِمَنْ حَرَّمَ عَلَيْهِمْ مَعَاصِي اللَّهِ أُولَٰئِكَ الْأَشْقَاتُ

Maksudnya: *Iaitu orang-orang yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar dan kepada Allahlah kembali segala urusan.*

¹⁴ al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*, Beirut(t.t) juz 22, h. 230.

Rahsia Kejayaan 4: Menunaikan Amanah dan Tugas dengan Sempurna

Allah menetapkan tugas peranan yang mesti dipikul oleh para pemimpin, iaitu melaksanakan keadilan, melaksanakan amanah dan membangunkan alam, menunaikan syariah Islamiyyah, menjalankan amar makruf dan nahi mungkar dan sebagainya.

1. Mendaulatkan Islam dan membasmi gejala perpecahan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Syura ayat 13 yang bermaksud: Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkanNya kepada Nabi Nuh dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan Nabi Isa iaitu; tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecahbelah tentangnya. Amat berat bagi orang-orang musyrik agama yang kamu seru mereka kepadanya. Allah menarik kepada agama itu orang yang dikehendakiNya dan memberi perunjuk kepada (agama)Nya orang yang kembali (kepadanya).
2. Menjamin pembangunan rakyat dalam pelbagai bidang kehidupan seperti yang dinyatakan Allah dalam Surah al-Hajj ayat 41 yang bermaksud: Iaitu orang-orang yang apabila Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar, dan kepada Allah kembali segala urusan. Begitu juga dalam Surah Ali `Imran ayat 110 yang bermaksud: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah fasik. Dinyatakan juga dalam Surah Hud ayat 61 yang bermaksud: Dan kepada Thamud (Kami utus) saudara mereka Saleh, Nabi Saleh berkata; Wahai kaumku semabahlah Allah, sekali-kali tidak ada bagimu Tuhan selain Dia. Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya, kerana itu mohonlah keampunan, kemudianNya dan bertaubatlah kepadaNya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmatNya) lagi memperkenankan (doa hamba-hambanya)

Begitu juga Firman Allah dalam Surah Sad ayat 26 yang bermaksud: Hai Daud Sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah dimuka bumi, maka jalankan keputusan di antara manusia dengan adil dan jangan kamu mengikut hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan.

Ibn. Kathir menegaskan bahawa ayat ini adalah peringatan Allah kepada pemimpin-pemimpin supaya melaksanakan peraturan berdasarkan kebenaran yang diturunkan Allah¹⁵.

Begitu juga Firman Allah dalam Surah al-Nisa' ayat 58 yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah maha mendengar lagi maha melihat.

Surah al-Maedah ayat 55-56 yang bermaksud: Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, Rasulnya dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk kepada Allah. Dan barangsiapa mengambil Allah, Rasulnya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka Sesungguhnya pengikut parti Allah itulah yang pasti menang.

¹⁵ Ibn Kathir (1990), *Tafsir al-Quran al-Azim*, Beirut, juz 4, h. 35.

Dalam surah an-Nur ayat 55¹⁶ Allah menjelaskan fungsi Khalifah dalam membangunkan berbagai sektor kehidupan seperti ibadat, ekonomi dan segala urusan yang menguatkan kedudukan dan penghayatan Agama Islam.

Dalam hal ini para pengkaji pemikiran politik Islam mengenali perkataan *qaryah* (kampung) *dar* (negeri) *ard* (bumi) dan *balad/baldah* (negara) yang terdapat dalam al-Quran yang mempunyai implikasi kepimpinan dan politik, iaitu tempat atau kawasan untuk dilaksanakan program pembangunan manusia mengikut kehendak Allah. Dalam mentafsirkan ayat an-Nur: 55, al-Tabari menjelaskan beriman dan beramal soleh tanpa merangkumi keimanan dengan politik Islam dan tanpa beramal soleh dalam politik Islam tidak akan mewarisi kuasa memerintah di bumi ini. Dengan kewujudan pemerintahan Islam pula ia berfungsi untuk mewujudkan suasana yang kondusif bagi amal-amal saleh.¹⁷ Ini bermakna ayat di atas mengajar hubungan amal saleh dengan kejayaan melantik pemimpin yang baik seterusnya pemimpin yang baik itu pula menghidupkan situasi yang saleh untuk membolehkan masyarakat menghayati cara hidup Islam.

Rahsia Kejayaan 5: Berpandukan Prinsip Kepimpinan dan Pengurusan Yang Hebat

Peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini direalisasikan melalui organisasi yang mantap terutamanya melalui sebuah negara Islam kerana ia dipandu oleh prinsip-prinsip pentadbiran yang segar dan kukuh. Prinsip-prinsip tersebut adalah dasar yang mengikat para pemimpin dalam pengurusan dan pentadbiran. Dengan itu matlamat kepimpinan dapat dicapai sebagaimana yang digariskan oleh Allah Taala. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan itu ialah:

Pertama: Kedaulatan Syariah Islamiyyah

Prinsip kedaulatan syariah Islamiyyah bermaksud undang-undang tertinggi dalam negara (kerajaan/ pentadbiran) ialah undang Islam yang bersumber kepada dua rujukan utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta dibantu dengan ijtihad. Sebab itu sebarang peraturan yang ingin dijalankan dalam pentadbiran negara hendaklah selaras atau tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak syariat Islamiyyah¹⁸. Prinsip ini dinyatakan di dalam ayat-ayat al-Quran seperti berikut;

1. Surah al-Nisa' ayat 59, 65, 80, dan 105

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan RasulNya dan pemimpin-pemimpin di kalangan kamu, Kemudian sekiranya kamu berselisih pendapat di antara kamu, hendaklah kamu kembali kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (al-Sunnah, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya*

¹⁶ Maksudnya: Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak menyekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka. Dan dirikanlah akan kamu solat serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah supaya kamu beroleh rahmat.

¹⁷ Shafie Ibrahim: Hadith-hadith Politik: 122 – 125.

¹⁸ al-Maududi, *al-Hukumah al-Islamiyyah*, Kaherah (t.t), h. 16.

(Surah al-Nisa': 59)

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِيْٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: Maka demi Tuhanmu, mereka tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu sebagai hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan, mereka menerima dengan sepenuhnya.

(Surah al-Nisa': 65)

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَىٰكَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَكُن لِّلْخَائِنِينَ خَصِيمًا

Maksudnya: Sesungguhnya kami telah menurunkan Kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah wahyukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi penentang (orang yang tidak bersalah) kerana (membela) orang-orang yang khianat.

(Surah al-Nisa': 105)

2. Surah al-Maedah ayat 44, 45 dan 47

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Maksudnya: Dan janganlah kamu menukar ayat-ayat Ku dengan harga yang sedikit. Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir

(Surah al-Maedah: 44)

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksud: Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim

(Surah al-Maedah: 45)

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفٰسِقُونَ

Maksudnya: Barangsiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik

(Surah al-Maedah: 47)

3. Surah al-'Araf ayat 3

اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا مِن دُونِهِ أَوْلِيَاءَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: Ikutilah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan janganlah kau mengikuti pemimpin-pemimpin selainNya. Amat sedikitlah kamu mengambil pengajaran.

4. Surah Yusuf ayat 40

إِن الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ ۗ أَمَرَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ۗ ذٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ ۗ وَلَٰكِن أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: Keputusan/hukuman itu hanyalah kepunyaan Allah. Dia telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

5. Surah al-Nur ayat 54

فَلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُمْ مَّا حُمِّلْتُمْ ۗ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا ۗ وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلٰغُ الْمُبِينُ

Maksud: *Katakanlah, Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada rasul, jika kamu berpaling maka sesungguhnya kewajiban rasul itu adalah apa yang dibebankan kepadanya, dan kewajiban kamu sekalian adalah semata-mata apa yang dibebankan kepadamu. Dan jika kamu taat kepadanya nescaya kamu mendapat petunjuk. Dan tidak lain kewajiban rasul itu melainkan menyampaikan (amanat Allah) yang terang.*

6. Surah al-Ahzab ayat 36

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا

Maksudnya: *Dan tidaklah patut bagi lelaki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukminah apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan sesuatu ketetapan, akan ada lagi pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa menderhakai Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat, sesat yang nyata.*

7. Surah al-Hasyr ayat 7

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَأَتُوهُ وَأَطِئُوا اللَّهَ وَاللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksud: *Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah, dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukumNya.*

Kedua: Prinsip keadilan sesama rakyat¹⁹

Prinsip ini bermaksud tidak menyeleweng dari petunjuk syariah dan nilai-nilai akhlak yang tinggi dan murni. Ini disebut sebagai meletakkan sesuatu kena pada tempatnya mengikut pertimbangan yang waras dan sihat. Oleh itu sebarang peraturan yang dibuat dan tindakan yang diambil dalam pentadbiran negara hendaklah menjamin hak-hak rakyat dalam semua bidang kehidupan, tidak menyekat kebebasan mereka, tidak melindungi kroni-kroni yang melanggar peraturan-peraturan atau dengan kata lain tidak melakukan kezaliman kepada rakyat atau orang lain dengan berbagai cara yang tidak diharuskan oleh Islam.

Prinsip ini dapat melahirkan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan serta bersepadu, telus dan selamat. Prinsip ini telah dinyatakan oleh al-Quran dalam ayat-ayat berikut:

1. Surah al-Syura ayat 15

وَقُلْ ءَامَنْتُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ كِتَابٍ وَأُمِرْتُ لِأَعْدِلَ بَيْنَكُمْ

Maksudnya:... *dan katakanlah, Aku beriman kepada semua kitab yang diturunkan Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu.*

2. Surah al-Nisa' ayat 58

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا أَلْمَامَ أَنْ ت إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) bila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil.*

3. Surah al-Hujurat ayat 9

فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksud: *Maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlakulah adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.*

¹⁹ *Ibid.*, h. 224.

Di antara hadis Nabi SAW yang menegaskan prinsip ini ialah Sabda Nabi SAW yang bermaksud: Sesungguhnya telah musnah orang-orang sebelum kamu kerana sesungguhnya mereka itu menjalankan hukuman had ke atas orang yang lemah, sebaliknya membiarkan golongan atasan yang melakukan kejahatan. Demi orang yang diri aku berada di tangannya (Demi Allah) sekiranya Fatimah bt Muhammad melakukannya nescaya aku akan potong tangannya.

Ketiga: Prinsip persamaan²⁰

Ia bermaksud menjamin hak yang sama di antara warganegara yang beragama Islam dalam semua aspek kehidupan tanpa mengira keturunan, bangsa dan bahasa. Begitu juga dengan warga bukan beragama Islam kecuali dalam jawatan kepimpinan tertinggi negara. Ini bererti pentadbiran Islam menolak amalan pilih kasih dalam perjawatan, pilih bulu dalam perlantikan kroni, amalan membezakan pemberian subsidi kerana perbezaan parti politik. Melalui prinsip ini lahirlah ciri-ciri pentadbiran yang telus, cekap, bersepadu dan selamat. Prinsip persamaan ini telah dinyatakan oleh al-Quran di dalam ayat-ayat berikut:

1. Surah al-Hujurat ayat 13

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَّاُنثٰى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوْبًا وَّقَبَاۤىِٕلَ لِتَعَارَفُوْا ۗ اِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰىكُمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ خَبِيْرٌ

Maksudnya: *Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling berkenal kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mengenal.*

2. Surah al-Nisa' ayat 1

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَّحِدَةٍ وَّخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيْرًا وَّنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ الَّذِي تَسَاءَلُوْنَ بِهِۦ وَّالْاَرْحَامَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلِيْمًا رَّحِيْمًا

Maksud: *Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri dan daripadanya Allah menciptakan isteri, dan daripada keduanya Allah memperkembangbiakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan namaNya kamu saling meminta satu sama lain dan peliharalah hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.*

Kempat; Syura²¹

Syura bermaksud kewajipan melakukan mesyuarat dan perbincangan bagi mendapatkan keputusan dan pandangan yang terbaik secara bersama di kalangan para pemimpin atau anggota mesyuarat dan pakar-pakar yang dilantik. Oleh itu sesuatu keputusan dalam pentadbiran tidak harus dibuat oleh seseorang individu sahaja, sebagaimana tidak boleh pandangan satu individu dipaksa untuk diterima atau dilaksanakan oleh orang lain tanpa keputusan bersama. Melalui prinsip inilah lahir ciri-ciri pentadbiran yang telus, fleksibel bersepadu dan penuh tanggungjawab.

Prinsip ini telah diutarakan oleh Allah dalam ayat-ayat berikut:

1. Surah al-Syura ayat 38

²⁰ *Ibid*, h. 225.

²¹ *Ibid.*, h. 225.

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Maksudnya: *Dan (bagi) orang-orang menerima (mematuhi) seruan TuhanNya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan mesyuarat antara mereka dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.*

2. Surah Ali Imran ayat 159

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya: *Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakal kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.*

Harus diingat bahawa fleksibiliti syura tidak bermakna harus menetapkan peraturan-peraturan yang bercanggah dengan kehendak Islam secara suara majoriti atau syura. Syura tidak ada hak untuk mengubah peraturan halal dan haram yang telah sabit melalui nas yang qate'i.

Kelima; Amanah dan tanggungjawab²²

Prinsip amanah dan tanggungjawab bermaksud pentadbiran negara adalah amanah Allah yang wajib dilaksanakan oleh para pemimpin dengan baik di mana mereka bertanggungjawab penuh untuk menjamin dan menjaga segala kepentingan rakyat atau masyarakat dengan apa cara yang sesuai dan dibenarkan oleh syara'. Sebab itu para pemimpin dan pegawai mesti menunaikan mandat/amanah kepimpinan sepertimana yang dikehendaki oleh Islam. Mereka perlu menjalankan tugas sebagai satu tanggungjawab dunia yang berkait rapat dengan nasib mereka di akhirat kelak. Maka para pemimpin dan pegawai tidak boleh mengkhianati amanah dan mengabaikannya dengan membelakangkan peraturan-peraturan Islam atau menggunakan kesempatan untuk mengaut keuntungan diri dan keluarga atau melakukan tindakan yang merosakkan kepentingan atau kebajikan rakyat dan masyarakat seperti kezaliman, penipuan dan pembohongan. Tindakan sedemikian boleh melemahkan pentadbiran dan membawa keruntuhan kerajaan.

Melalui prinsip ini al-Imam Ibn Taimiyah mengatakan bahawa pegawai-pegawai yang dilantik adalah terdiri daripada kalangan yang benar-benar berkelayakan dan mampu menjalankan tugas kerana pemilihan dan perlantikan dibuat mengikut skema pentadbiran yang betul. Ia juga meletakkan urusan pentadbiran ekonomi dan kewangan negara dalam keadaan baik dan adil dari segi sumber pendapatan dan kaedah pengagihan.²³

Dengan ini prinsip amanah dan tanggungjawab ini sudah tentu melahirkan pentadbiran yang mempunyai akauntabiliti, keberkesanan, ketelusan, bersih. Di samping itu prinsip ini membuka ruang fleksibiliti dari segi cara dan pendekatan yang digunakan untuk menjaga kepentingan rakyat dan membangunkan kehidupan mereka. Prinsip di atas dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksud: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

²² *Ibid.*, h. 225.

²³ Ibn Taimiyah (1988), *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyyah*, Beirut, h. 9 dan seterusnya.

(Surah al-Nisa': 58)

Di antara hadis nabi yang menyentuh prinsip di atas ialah:

1. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: Ingatlah bahawa kamu semua adalah pemimpin/penjaga, dan semua pemimpin bertanggungjawab ke atas rakyatnya (akan disoal) Pemimpin negara yang menjadi ketua masyarakat adalah pemimpin dan dia (dipertanggungjawabkan ke atas rakyatnya dan akan disoal).
2. Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: Tiada seorang pemimpin yang menjalankan urusan orang Islam lalu dia mati sedangkan dia menipu mereka, maka Allah haramkan baginya syurga
3. Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: Wahai Abu Zar, sesungguhnya engkau lemah, sedangkan ia adalah amanah, sesungguhnya pada hari kiamat akan berjumpa dengan kehinaan dan penyesalan kecuali orang yang dilantik dengan cara betul dan menjalankan amanah dengan sepuuhnya.
4. Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: Orang yang paling khianat ialah pemimpin yang menjalankan perniagaan dengan rakyatnya (mengambil /mengaut keuntungan diri dengan menggunakan rakyat)

Rahsia Kejayaan 6: Menggunakan Sistem dan Undang-undang yang Bersifat Ketuhanan

Kejayaan kepimpinan dan negara sangat bergantung rapat kepada sistem politik dan undang-undang yang digunakan dalam negara. Apabila sistem politik Islam dan perundangan Islam digunakan, ia memberikan kekuatan kepada negara dan rakyat kerana unsur-unsur penyelewengan seperti rasuah, pecah amanah, penipuan, pengkhianatan, kezaliman lebih terkawal. Al-Quran mempertegaskan rahsia ini melalui perintah Allah Taala supaya melaksanakan hukum yang diturunkan oleh Allah dalam pentadbiran negara. Jika perkara itu tidak dilaksanakan Allah menghukum mereka kafir, atau fasik atau zalim sebagaimana firman Allah dalam surah al-Maedah ayat 44, 45 dan 47 yang bermaksud: *Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.*(ayat 44) ... *Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.* (ayat 45) ... *Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik.* (ayat 47)

Secara tersuratnya ayat ini menjelaskan bahawa apabila pemimpin menolak dan melanggar peraturan Allah, maka mereka akan dihancurkan. Ini bermakna Allah menyuruh para pemimpin beriltizam dengan undang-undang Allah dalam menjalankan pemerintahan negara.

Rahsia Kejayaan 7: Kepatuhan Rakyat Yang Tinggi

Sistem politik Islam dan kepimpinannya menetapkan kewajiban rakyat memberikan kepatuhan kepada kerajaan selagi tidak melanggar dasar Islam. Apabila negara Islam mendapat kerjasama dan dokongan daripada rakyat, maka ia akan menjadikan negara tersebut kukuh dan stabil. Inilah rahsia kejayaan negara Islam yang diutarakan oleh al-Quran dalam Surah an-Nisa ayat 59²⁴. Suatu sistem politik mestilah adanya kesetiaan dari pengikut kepada pemimpinnya. Dalam ayat di atas ia berkaitan dengan konsep taat kepada Ulil Amri.²⁵

²⁴ Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulil-amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu kembali kepada (kitab) Allah*

Ayat tersebut juga mempunyai petunjuk tentang rapatnya hubungan antara pemimpin dan umat dalam sistem negara Islam yang menjadi faktor kejayaan dan kesejahteraan negara. Apa yang berlaku dalam sistem demokrasi wujudnya konflik yang berterusan antara pemerintah dengan rakyat yang dijadikan perangkap untuk membolehkan para penguasa mengambil keuntungan dalam situasi yang selalu tegang dan bergolak. Sedangkan dalam negara Islam rakyat berganding bahu dengan kerajaan melalui sistem *mubaya'ah* yang mengandungi asas-asas kontrak sosial iaitu *aqal al-jtima'iy*.²⁶

Rahsia Kejayaan 8: Menempuh Ujian/Cabaran dengan Cekal dan Sabar

Al-Quran memaparkan bagaimana kejayaan yang diperolehi oleh para Nabi dan Rasul yang merupakan kepimpinan Ummah adalah melalui proses cabaran dan ujian yang sangat berat. Hasil daripada kesabaran yang amat tinggi, maka Allah menganugerahkan kemenangan dan kejayaan. Perkara ini dinyatakan oleh al-Quran dalam banyak surah antaranya Surah al-Ankabut, Surah al-Qasas, Surah al-Syuara dan lain-lain lagi.

Rahsia Kejayaan 9: Mempunyai Penyokong/Pendokong yang Multazim/Setia

Pendokong setia dan penyokong yang multazim adalah satu syarat penting kepada kejayaan kepimpinan kerana mereka itu akan menjadi teras utama kepada program yang diatur dan menjayakannya dengan baik di mana mereka akan bersedia mengharungi segala cabaran yang berlaku. Al-Quran menyebut perkara ini dalam beberapa ayatnya, antaranya: Surah Saf ayat 14 yang bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, jadilah kamu penolong-penolong agama Allah sebagaimana Isa Putra Maryam telah berkata kepada pengikut-pengikutnya yang setia, siapakah yang akan menjadi penolong-penolongku untuk menegakkan agama Allah? Pengikut-pengikut yang setia itu berkata, Kamilah penolong-penolong agama Allah, lalu sebahagian dari Bani Israil beriman dan segolongan yang lain kafir. Maka kami berikan kekuatan kepada orang-orang beriman terhadap musuh-musuh mereka, lalu mereka menjadi orang-orang yang menang.

Rahsia Kejayaan 10: Berpaksikan Agenda Ketakwaan

Tugas manusia sebagai khalifah Allah telah disempurnakan oleh Nabi Muhammad s.a.w apabila Allah memberikan kemenangan dan kuasa politik di Madinah dan Makkah sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Nasr ayat 1 dan 2 yang bermaksud: Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan, dan Kamu akan lihat manusia akan masuk agama Allah dengan berduyun-duyun.

Allah Taala menjelaskan hasil dan kesan daripada kepimpinan khalifah Allah di muka bumi ini, akan wujudnya kejayaan, keamanan, keimanan, kesejahteraan, kemajuan, keberkatan dan rahmat, perpaduan dan sebagainya, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Nur ayat 55 yang bermaksud: Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal saleh bahawa Dia sesungguhnya akan menjadikan mereka berkuasa dibumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sesungguhnya dia akan meneguhkan bagi kamu agama yang diridaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka sesudah mereka berada di dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahku tanpa

(al-Quran) dan (sunnah) rasulNya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pada kesudahannya.

²⁵ Abdul Muin Salim, *Fiqh Siyashah Konsep Kekuasaan Politik dalam al-Quran*, Jakarta: Rajawali Press: 235

²⁶ *Ibid*: 241 – 242

mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang tetap kafir sesudah janji itu, maka mereka itulah orang yang fasik.

Ibn al-Jauzi menjelaskan bahawa janji Allah ini ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan pengikutnya di Madinah bahawa mereka akan menjadi pemimpin dan menguasai negeri musuh.²⁷

Firman Allah dalam surah Saba' ayat 15 yang bermaksud: Negerimu adalah negeri yang baik dan Tuhanmu adalah tuhan yang maha pengampun.

Firman Allah dalam surah al-A`raf ayat 96 yang bermaksud: jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertakwa, pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan ayat-ayat Kami itu, maka kami siksa mereka disebabkan perbuatan mereka.

Rahsia Kejayaan 11: Menolak Kepimpinan Yang Jahat, Mempersendakan Islam, Kafir Yang Menentang Islam

Kejayaan kepimpinan Islam tidak akan tercapai sekiranya kuasa pemerintahan diserahkan kepada golongan musuh Islam atau orang yang mempersendakan ajaran Islam. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran surah al-Maedah ayat 57. yang bermaksud: Hai orang-orang beriman, janganlah kamu mengambil sebagai wali/pemimpin orang yang mempermainkan agama kamu iaitu di antara orang yang telah diberi kitab sebelumnya dan orang-orang yang kafir (orang-orang musyrik) Dan bertakwalah kepada Allah jika kamu benar-benar orang yang beriman.

Surah al-Maedah ayat 51 yang bermaksud: Hai orang-orang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang yahudi dan nasrani sebagai wali kamu. Sebahagian mereka adalah wali bagi sebahagian yang lain. Barangsiapa di kalangan kamu mengambil mereka sebagai wali, sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka, Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada orang yang zalim.

Surah al-Nisa' ayat 144 yang bermaksud: Hai orang-orang beriman jangan kamu mengambil orang kafir menjadi wali, dengan meninggalkan orang mukmin...

Islam memberikan kebenaran untuk melantik orang bukan Islam sebagai pemimpin sekiranya mereka berada di bawah kepimpinan Islam dan menerima prinsip-prinsip Islam lantaran tiada sikap permusuhan mereka kepada Islam.

RAHSIA KEGAGALAN KEPIMPINAN DAN KEHANCURAN NEGARA

Rahsia Kegagalan 1: Pemimpin Taghut dan Melawan Islam

Di antara faktor kegagalan kepimpinan Islam dan keruntuhan negara ialah apabila menjadikan Taghut sebagai pemimpin sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah, kerana taghut akan membawa masyarakat kepada kejahatan, kemungkaran dan pengkhianatan kepada ajaran Islam. Perkara ini dijelaskan Allah dalam surah al-Baqarah ayat 257 yang bermaksud: ...dan orang-orang kafir itu wali mereka adalah taghut/syaitan yang mengeluarkan mereka daripada cahaya kepada kegelapan (kekafiran) mereka itu adalah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.

Rahsia Kegagalan 2: Pemimpin Zalim dan Penipu Serta Melakukan Kemungkaran

²⁷ Ibn al-Jauzi (1987), *Zad al-Masir fi Ilm al-Tafsir*, Beirut, juz 6, h. 57 & 58

Negara pasti hancur dan rakyat akan merana apabila para pemimpin terdiri daripada orang yang zalim dan penipu, kerana mereka akan mengaut keuntungan diri dengan melakukan penindasan dan kekajaman ke atas rakyat sehingga mereka menjadi orang yang kaya raya sedangkan rakyat menderita. Perkara ini telah dihuraikan oleh al-Quran dalam banyak ayat, antaranya Surah al-An'am ayat 6, Al-Anfal ayat 54, Surah al-Kahfi ayat 59, Surah Taha ayat 127-128, Surah al-Dhukhan ayat 37, Surah Muhammad ayat 13, Surah al-Ankabut ayat 31, Surah al-Haj ayat 45, Surah al-Anbiya ayat 6 dan sebagainya.

Rahsia Kegagalan Abadi: Pemimpin dan Rakyat dalam Neraka

Peringatan Allah sangat jelas tentang kegagalan pemimpin apabila mengkhianati amanah, ketika mereka dihumbangkan ke dalam neraka, mereka di benci dan dikutuk oleh bekas pengikut mereka sedangkan mereka ketika itu sedang disiksa di dalam api neraka. Perkarai ini dinyatakan dalam Surah Saba' ayat 32-33, Surah Ibrahim ayat 21 dan lain-lain ayat lagi

PENUTUP

Jelas sekali bahawa Islam telah menyediakan garis panduan yang lengkap dalam menghidupkan fungsi kepimpinan dan negara dengan baik seperti yang dinyatakan oleh al-Quran dan ditunjukkan secara praktikal oleh Rasulullah s.a.w melalui amalan secara langsung di mana ia telah membawa kesan kejayaan dan kesejahteraan yang sangat hebat dan dapat mengangkat kedudukan umat Islam sebagai umat yang unggul. Tetapi setelah banyak kepincangan berlaku dalam kepimpinan masyarakat Islam, maka hilanglah ciri penting umat Islam apabila hilangnya kepimpinan yang bertakwa kerana dikuasai oleh golongan sekular. Oleh itu langkah-langkah perlu diambil untuk mengembalikan kegemilangan umat ini dengan mengadakan pusat pengajian khusus tentang kepimpinan dan pengurusanannya bagi melahirkan asas dan rahsia kejayaan umat dan negara seperti yang telah dibincangkan di atas. Amiiiiiin.